

Gempa anjak bandar-bandar di Chile

SANTIAGO – Kesan gempa bumi dahsyat yang berpusat dekat Maule di Chile pada akhir bulan lalu telah menyebabkan keseluruhan bandar raya Concepcion yang paling teruk terjejas berganjak sekurang-kurangnya 304.8 sentimeter (sm) ke arah barat, lapor sebuah akhbar semalam.


Gempa bumi yang berlaku pada 27 Februari lalu dengan kekuatan 8.8 pada skala Richter turut menganjakkan beberapa bahagian lain di benua Amerika Selatan termasuk kepulauan Falkland di Lautan Atlantik dan Fortaleza di Brazil.

Grafik yang dilakar saintis-saintis antarabangsa menerusi Projek Sistem Kedudukan Global (GPS) Banjaran Andes Selatan dan Tengah menunjukkan perbandingan secara tepat sebelum dan selepas 10 hari kejadian itu berlaku.

Kejadian itu menyebabkan ibu negara



**Ragam
Global**



Chile, Santiago berganjak hampir 28 sentimeter ke barat daya manakala ibu negara Argentina, Buenos Aires terletak 1,287 kilometer dari bandar raya Concepcion berganjak 2.5 sentimeter.

Agensi kajian geologi Amerika Syarikat melaporkan lebih sedozen gegaran

susulan dikesan selepas gempa tersebut dengan ukuran 6.0 pada skala Richter manakala sehingga kini jumlah rasmi mangsa korban lebih 800 orang dan dua juta hilang tempat kediaman.

Gempa itu dipercayai kelima paling kuat di dunia. – Agensi